

## *Innā Lillāhi Wa Innā Ilayhi Rāji‘ūn*

Dengan dukacitanya diberitakan, pada bulan Ramadan yang maha berkat yang baharu lalu, dua orang Muslim yang kenamaan dan banyak jasa dan khidmatnya dalam lapangan masyarakat telah kembali ke rahmatullah Ta‘ālā iaitu wartawan Zahari (Medan) dan dermawan Tuan Haji Syeikh Said Bamadhaj Singapura.

### **Alamrhum Syeikh Said Bamadhaj**

Tuan Haji Syeikh Sa‘id bin Omar Bamadhaj, saudagar baldu yang terkenal (Pengerusi Syarikat S.O Bamadhaj – 45 Arab Street, Singapura) telah kembali ke rahmatullah Ta‘ālā di rumahnya (7, Goodman Road) pada pada pukul tiga pagi hari Khamis 13 Ramadan (10 Mac 1960). Jenazahnya selamat dikebumikan pada pukul 3 petang hari itu di Perkuburan Bidadari.

Allah *yarhamhu* berumur 48 tahun, dilahirkan di Singapura dan sangat terkenal dalam masyarakat kaum Muslimin sebagai seorang yang peramah dan baik budi bahasanya. Beliau juga seorang *ahl al-khayr* sebagaimana almarhum ayahnya – yang sentiasa memberi bantuan kepada masjid-masjid, madrasah-madrasah dan fakir miskin termasuk sebuah “*ribāf*” (*Musāfir khānah* atau rumah tumpangan orang dagang) yang menjadi khairatnya dan khairat keluarganya di Kendahar Street Singapura.

Mudah-mudahan Allah mencucuri rahmat di atas ruhnya dan diilhamkan sabar kepada kaum keluarganya.

### **Almarhum Wartawan Zahari (Waktu)**

Pada hari yang sama (Khamis, 13 Ramadan 1379 – 10 Mac 1960) wartawan Zahari ketua pengarang dan tuan punya majalah “Waktu” Medan telah kembali ke rahmatullah Ta‘ālā di Jakarta dalam usia 55 tahun.

Di dalam majalahnya Waktu (yang juga pernah diterbitkan naskhah jawinya di Singapura) wartawan Zahari (Zahari) yang juga memakai nama pena “Syamsu Awdaya” dalam halaman tetapnya “Kecaman dan Pembangunan” sentiasa hebat dan padat kupasannya terutama mengenai politik dan kebudayaan.

Beliau juga menjadi Yang di-Pertua Lembaga Kebudayaan Melayu, Medan dan pengarang buku “Kebudayaan Melayu” yang menurut iklannya: akan diedarkan kepada pembaca tidak lama lagi.

Moga-moga Allah cucuri rahmat di atas rohnyanya dikurniakan sabar kepada kaum keluarganya di Medan dan juga di Jakarta tempat beliau dikebumikan.